

24 JAN, 2025

Malaysia serius tangani isu perubahan iklim

Utusan Malaysia, Malaysia



PANDANGAN IKIM

Oleh Azrina Sobian

HARAPAN untuk menyaksikan pelaksanaan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar yang lebih mantap dan berkesan semakin terserlah pada tahun ini.

Ia ekoran kerajaan bakal memperkenalkan beberapa inisiatif baharu untuk memastikan mutu persekitaran dan sumber asli negara tetap terpelihara dan Malaysia kekal komited dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Usaha yang bakal dilaksanakan itu membuktikan negara ini bergerak seiring negara-negara lain dalam usaha pemuliharaan alam sekitar, terutamanya berkaitan isu perubahan iklim. Malah usaha-usaha itu juga menunjukkan ketekunan Malaysia dalam melaksanakan amanah menjaga alam.

Inisiatif pertama yang sedang diusahakan ialah Rang Undang-Undang (RUU) Perubahan Iklim Kebangsaan, diperkenalkan untuk memperkukuh usaha-usaha kelestarian alam sekitar dan menyokong matlamat Malaysia mencapai sifar karbon bersih menjelang 2050.

Antara tumpuan utama RUU ini ialah peralihan kepada ekonomi rendah karbon, memperkukuh daya tahan negara terhadap perubahan iklim, menubuhkan satu entiti kawal selia bebas untuk mengendalikan operasi selaras dengan matlamat perubahan iklim negara, memperkukuh tadbir urus perubahan iklim negara terutama berkaitan data, pelaporan, pembiayaan dan penguatkuasaan serta memperkenalkan mekanisme pengurangan pelepasan karbon.

Selain itu, menurut Menteri Sumber Asli dan Sumber Alam, Nik Nazmi

Malaysia serius tangani isu perubahan iklim

Nik Ahmad, aspek mitigasi dan adaptasi merupakan antara tumpuan di bawah RUU ini. Bagi memantapkan RUU tersebut, pelbagai ruang konsultasi awam dengan penglibatan ahli masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta diadakan. RUU ini dijangka dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Malaysia juga sedang memuktamadkan Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan (NCAAP) 2025-2040 dan dijangka dilaksanakan tahun ini. NCAAP penting untuk memastikan kualiti udara ambien yang baik. Dokumen ini juga berfungsi sebagai panduan untuk memacu usaha secara bersepadu menangani masalah pencemaran udara.

NCAAP menyenaraikan langkah-langkah komprehensif untuk pengurusan, pencegahan dan kawalan kualiti udara. Pengenalan pelan ini sejajar dengan tema COP29 iaitu 'Solidariti untuk Dunia Hijau', iaitu penekanan kepada kesepaduan dalam usaha menangani masalah perubahan iklim.

Pencemaran udara merupakan isu alam sekitar yang penting di Malaysia. Berdasarkan Laporan Impak Kesihatan dan Ekonomi Kualiti Udara Ambien di Malaysia (2022) Terbitan Pusat Penyelidikan Tenaga dan Udara Bersih (CREA) dan Greenpeace Malaysia, Piawaian Kualiti Udara Ambien Malaysia 2020 (MAAQs) dan purata kepekatan pencemar semasa di Malaysia adalah lebih tinggi

daripada yang dinyatakan dalam garis panduan kualiti udara yang disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sebagai contoh, di bawah MAAQS, nilai had yang ditetapkan Malaysia untuk kepekatan maksimum PM 2.5 bagi udara ambien untuk tempoh masa sehari ialah 35g/m sedangkan garis panduan WHO (2021) menetapkan had nilai tersebut sebanyak 15g/m. Manakala aliran (trend) kepekatan PM 2.5 sehari bagi stesen pencemaran di Klang menunjukkan bahawa pada masa-masa tertentu berlaku peningkatan yang melebihi MAAQS (35g/m) dan nilai ini juga jelas lebih tinggi daripada yang ditetapkan WHO (15g/m).

Seterusnya, selepas diesel Euro Lima, petrol Euro 5 pula dijangka mula digunakan pada September 2025. Tujuan pengenalan ini ialah untuk menangani masalah peningkatan pelepasan karbon dan juga meningkatkan mutu bahan api.

Usaha ini juga merupakan sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk memelihara kualiti udara. Langkah ini sememangnya dialu-alukan bagi menangani masalah pencemaran udara yang berpunca daripada aktiviti perindustrian, pengangkutan dan pengurusan sisa.

Walau bagaimanapun, usaha ini diharapkan bersifat sementara kerana sewajarnya Malaysia mengurangkan ketergantungan kepada bahan api fosil dan bergerak ke arah penggunaan kenderaan hijau seperti elektrik mahupun hidrogen bagi menjamin kelestarian persekitaran.

KESEMPATAN ASEAN
Bermula 1 Januari, lalu, Malaysia secara rasmi memulakan tanggungjawabnya sebagai Pengerusi ASEAN. Dengan pelantikan ini, Malaysia sewajarnya mengambil peluang untuk mengengahkan isu-isu persekitaran melibatkan negara-negara di rantau ini termasuk menjadikan rantau ini sebagai rantau yang pro-aktif dalam menangani isu perubahan iklim.

Hakikatnya, negara-negara di rantau ini berisiko tinggi terhadap pelbagai kesan perubahan iklim seperti peningkatan aras laut, perubahan cuaca melampau seperti banjir dan kemarau, kepupusan biodiversiti serta degradasi tanah akibat penebangan hutan selain pencemaran udara rentas sempadan.

Gabungan negara di rantau ini sebahagiannya merupakan negara membangun yang memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi namun tidak boleh dijadikan alasan untuk bersifat 'tunggu dan lihat' dalam pelbagai isu persekitaran terutama isu perubahan iklim.

Pelantikan sebagai Pengerusi ASEAN seharusnya dijadikan landasan untuk mengetengahkan isu persekitaran bersama di rantau ini serta lebih aktif dalam isu perubahan iklim.

Langkah-langkah di atas membuktikan Malaysia serius dan tegas dalam usaha menangani isu perubahan iklim. Hal ini juga membuktikan Malaysia melakukan satu penyusunan langkah yang lebih terancang

dan menyeluruh dalam berhadapan dengan isu tersebut. Begitu juga, ini menunjukkan komitmen dan pematuhan Malaysia dalam usaha pengurangan kesan perubahan iklim di peringkat antarabangsa.

Usaha secara istiqamah ini seharusnya disokong dan diharapkan menjadi satu landasan baharu kepada pelbagai usaha konkrit lain dalam menangani perubahan iklim.

Pengenalan langkah baharu ini diharapkan dapat membantu Malaysia mencapai pengurangan 45 peratus dalam intensiti tenaga menjelang 2030 dan seterusnya sasaran pelepasan karbon sifar bersih untuk 2050.

Istiqamah dalam usaha menangani isu perubahan iklim membuktikan kesejajaran Malaysia dalam memastikan pemeliharaan lima prinsip maqasid syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Persekitaran yang binasa boleh menyebabkan kehilangan nyawa, menjejaskan akal dan keturunan serta menyebabkan kehilangan harta.

Jika empat elemen ini terjejas maka pemeliharaan agama juga tidak dapat dipertahankan kerana persekitaran yang tercemar menjejaskan kemampuan manusia untuk menjalani kehidupan dengan sempurna menurut Islam terutamanya dari segi melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di bumi.

Alam sekitar yang rosak juga menjejaskan keimanan kerana tanggungjawab agama untuk menjaga bumi telah diabaikan.

Oleh itu, diharapkan lebih banyak langkah berkesan bagi menangani isu perubahan iklim dalam dilaksanakan dan mendapat sokongan semua pihak.

PENULIS ialah Felo Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



PERSEKITARAN yang binasa boleh menyebabkan kehilangan nyawa, menjejaskan akal dan keturunan serta menyebabkan kehilangan harta.